

BAB 6

KESIMPULAN

6.0 Pengenalan

Bab ini adalah perbincangan mengenai penggunaan *~tekara*, *~toki*, dan *~tara* pada PBJI dan PBJM dan perbezaan-perbezaan di antara kedua kumpulan pelajar ketika menggunakan ketiga kata hubung tersebut berdasarkan pada analisis dan pemerhatian data pada soal selidik Bahagian I (soalan objektif) dan Bahagian II, (soalan penyelesaian ayat).

6.1 Pemerolehan Terhadap Pembelajaran *~tekara*, *~toki*, dan *~tara* pada PBJI dan PBJM

Kajian ini memberi fokus kepada bagaimana penggunaan *~tekara*, *~toki*, dan *~tara*, di kalangan PBJI dan PBJM melalui soal selidik Bahagian I, soalan objektif dan soal selidik Bahagian II, penyelesaian ayat. Secara keseluruhan, berdasarkan analisis dan pemerhatian pada dapatan kajian pada soal selidik Bahagian I, soalan objektif dapat diketahui bahawa:

1. Secara keseluruhan, hakikatnya keupayaan PBJI dan PBJM mengenai penggunaan *~tekara*, *~toki* dan *~tara* pada soalan objektif Bahagian I, untuk kajian ini adalah pada tahap yang lebih kurang sama walaupun terdapat sedikit perbezaan dalam peratus pencapaian jawapan tepat pelajar. Ini adalah hasil daripada pemerhatian ke atas dapatan peratusan bagi keseluruhan kategori soalan objektif yang menunjukkan PBJI dan PBJM masing-masing memperolehi peratus jawapan tepat yang tinggi pada beberapa bahagian soalan yang berbeza.

2. Kekeliruan PBJI dan PBJM cenderung berlaku ketika pilihan jawapan soalan ialah (*~tekara* berbanding *~tara*) berbanding dengan pilihan jawapan (*~toki* berbanding *~tara*).

Manakala daripada bahagian II, soalan penyelesaian ayat didapati bahawa:

1. Kebanyakan daripada ayat keliru yang dihasilkan oleh kedua kumpulan pelajar boleh diterima pakai dalam bahasa Indonesia dan bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa PBJI dan PBJM cenderung sama untuk berfikir dalam bahasa ibunda ketika melengkapkan soalan ayat *~tekara*, *~toki* dan *~tara*.
2. Walaupun terjemahan *~tekara*, *~toki* dan *~tara* ke dalam bahasa ibunda kedua kumpulan pelajar adalah sama, tetapi pemahaman dan keupayaan PBJI dan PBJM dalam menghasilkan ayat tepat menggunakan ketiga kata hubung bahasa Jepun tersebut adalah berbeza.
3. Keupayaan PBJM dalam menghasilkan ayat yang tepat bagi peraturan penggunaan *~tekara*, *~toki* dan *~tara* bagi soalan penyelesaian ayat pada kajian ini didapati lebih tinggi berbanding PBJI.

Ketika kajian ini dilaksanakan, kedua kumpulan pelajar PBJI dan PBJM berada pada tahap kemampuan bahasa Jepun yang sama (N5~N3). Berdasarkan faktor kesamaan rumpun bahasa, terjemahan *~tekara*, *~toki* dan *~tara* ke dalam bahasa ibunda kedua kumpulan pelajar juga tidak jauh berbeza. Walaubagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan/jurang dalam pemerolehan pembelajaran ketiga kata hubung ini. Melalui kajian ini juga dapat diketahui bahawa kekeliruan cenderung berlaku ketika bahasa Jepun dan bahasa ibunda kedua kumpulan pelajar berkongsi makna yang sama di dalam sesebuah ayat tetapi mempunyai peraturan penggunaan yang berbeza. Kedua kumpulan pelajar juga didapati tidak menghadapi kesukaran ketika menjawab soalan dalam kajian ini sekiranya soalan itu merujuk kepada aktiviti harian pelajar ataupun contoh-contoh

ayat yang sering digunakan di dalam bilik kuliah.

6.2 Sumbangan untuk Pendidikan Bahasa Jepun di Indonesia dan Malaysia

Melalui kajian ini, pemerhatian telah dijalankan ke atas data-data jawapan PBJI dan PBJM berkenaan kata hubung *~tekara*, *~toki*, dan *~tara*. Berdasarkan analisis dan pemerhatian dapatan daripada kedua bahagian soalan selidik dan faktor-faktor yang menyebabkan ia berlaku telah dikenal pasti. Justeru, dapatan kajian ini boleh dijadikan rujukan bagi pengajar bahasa Jepun, khususnya bagi pengajar yang mengajarkan bahasa Jepun ke atas PBJI dan PBJM untuk penambahbaikan ataupun persediaan ketika mengajar kata hubung ini. Pengajar boleh menitikberatkan pada bahagian-bahagian yang menunjukkan kecenderungan berlakunya kekeliruan ketika pelajar menggunakan *~tekara*, *~toki*, dan *~tara*.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi pandangan baru kepada pengajar bahasa Jepun dan perkembangan pendidikan pembelajaran bahasa Jepun di Indonesia dan Malaysia. Pengajar dapat menitikberatkan pada bahagian dimana kekeliruan kerap berlaku ketika pelajar menggunakan *~tekara*, *~toki*, dan *~tara* untuk merancang sillibus dan teknik pengajaran yang tepat, khususnya mengenai subjek *~tekara*, *~toki*, dan *~tara* supaya dapat membantu pelajar memahami dan menggunakan ketiga kata hubung ini sesuai dengan peraturan penggunaannya.

6.3 Kajian Masa Hadapan

Keputusan kajian ini mempunyai beberapa ketidaksempurnaan dan kekangan yang boleh diatasi dalam kajian di masa hadapan. Bagi kajian ini, keputusan yang diperolehi hanya berasaskan kepada maklumat ujian tulisan sahaja. Siasatan ke atas PBJI dan PBJM mengenai pembelajaran sewaktu kuliah mengenai *~tekara*, *~toki* dan *~tara* boleh dilakukan untuk mengenal pasti punca-punca lain yang menyumbang kepada proses pemerolehan. Pemerhatian secara terus (*class observation*) dan penilaian

pengajar (*teacher assessment*) juga boleh diterapkan sebagai kaedah untuk melihat mengapa terdapat jurang antara PBJI dan PBJM dalam pemerolehan kata hubung ini. Oleh itu, kajian lanjutan mengenai proses pembelajaran *~tekara*, *~toki* dan *~tara* di antara PBJI dan PBJM masih signifikan dan perlu dilakukan di masa hadapan untuk melihat apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada pemerolehan bahasa Jepun kedua kumpulan pelajar.